

**Semua Pegawai dan Kakitangan
Yayasan RISDA**

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

**ARAHAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF BILANGAN 1 TAHUN 2023
MENERIMA PAKAI ARAHAN PENTADBIRAN RISDA HOLDINGS SDN. BHD. (RHSB)
BILANGAN 1 TAHUN 2023
- PENJADUALAN SEMULA KENAIKAN GAJI TAHUNAN (KGT) BERMULA TAHUN
2023**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah Kali Ke-18 pada 14 April 2023 telah bersetuju meluluskan dan menerima pakai Arahan Pentadbiran RISDA Holdings Sdn. Bhd. (RHSB) Bilangan 1 Tahun 2023 berhubung Penjadualan Semula Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) Bermula Tahun 2023.

3. Menurut perenggan 1.13.5 dan 1.13.7 perkara 1.13 Kenaikan Gaji Tahunan Bahagian 1.0 Urusan Pelantikan, Gaji Dan Kenaikan Pangkat yang terkandung dalam Skim Perkhidmatan Kumpulan RISDA Holdings (KRH) Kumpulan Bukan Eksekutif dan Kumpulan Eksekutif Tahun 2021 menyatakan "*Tarikh kenaikan gaji tahunan adalah pada 1 Jun atau mana-mana tarikh yang akan ditetapkan dari semasa ke semasa.*"

4. Mesyuarat Jawatankuasa Perjawatan dan Pembangunan Sumber Manusia (JKPPSM) A RHSB kali ke-41 telah memutuskan penjadualan semula tarikh kenaikan gaji tahunan kepada 1 Januari setiap tahun berkuatkuasa mulai tahun 2023.

5. Kenaikan gaji tahunan bukanlah automatik tetapi tertakluk kepada prestasi KRH, prestasi staf berasaskan penilaian prestasi tahunan dan syarat-syarat lain yang ditetapkan. Kadar kenaikan gaji staf akan ditentukan berdasarkan markah prestasi tahunan seperti berikut:

BIL.	MARKAH PRESTASI (%)	KADAR KENAIKAN GAJI (%)
1.	95% dan ke atas	Melebihi 5% (tertakluk kepada kelulusan JKPPSM RHSB)
2.	90% hingga 94.99%	5%
3.	85% hingga 89.99%	4%
4.	80% hingga 84.99%	3%
5.	70% hingga 79.99%	2%
6.	Kurang atau sama dengan 69.99%	Tiada kenaikan gaji

6. Selaras dengan perubahan tarikh kenaikan gaji tahunan staf di KRH lain, tarikh kenaikan gaji tahunan staf Yayasan RISDA akan dipinda dari bulan Jun ke bulan Januari.

7. Arahan ini adalah berkuat kuasa serta-merta untuk perhatian dan makluman staf Yayasan RISDA.

Sekian, terima kasih.

جزاك الله خيرا

'BECAUSE WE CARE'


WAN MOHD HAFIZ/BIN WAN IBRAHIM
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
YAYASAN RISDA